



SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT BAKAL ANJUR 'EKVE COMMUNITY RIDE' PADA 23 OGOS

KUALA LUMPUR, 8 JULAI 2026 – Bank Rakyat hari ini mengumumkan pengumuman 'Bank Rakyat EKVE Community Ride 2026', sebuah acara kayuhan komuniti yang bakal diadakan pada **23 Ogos 2026** di **Lebuhraya East Klang Valley Expressway (EKVE)**.

"Dengan sokongan daripada Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF) serta Lebuhraya East Klang Valley Expressway (EKVE) sebagai lokasi rasmi, acara kayuhan komuniti ini merupakan inisiatif Bank Rakyat dalam usaha memperkukuh perpaduan masyarakat, di samping menyemarakkan aktiviti riadah di sekitar kawasan Lembah Klang dalam suasana yang santai dan inklusif.

"Acara kayuhan komuniti ini juga merupakan acara pertama yang dianjurkan oleh Bank Rakyat di atas lebuhraya, sekali gus menandakan kerjasama antara Bank Rakyat dan EKVE. Pemilihan EKVE sebagai lokasi acara ini turut membawa signifikan tersendiri kerana lebuhraya ini menghubungkan beberapa kawasan utama di sekitar Lembah Klang, di samping menawarkan pemandangan yang menarik sepanjang laluan kayuhan," ujar **Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, Nizam Sani**.

Menurut Nizam, pendaftaran telah bermula sejak 24 Jun **2026 yang lalu** dengan dua kategori kayuhan ditawarkan, iaitu **60 kilometer (km) Challenge Ride** dan **30km Community Ride**.

Lebih istimewa, pemegang Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Rakyat berpeluang untuk menikmati kadar yuran penyertaan eksklusif sepanjang tempoh pendaftaran, sebagai sebahagian daripada nilai tambah yang ditawarkan kepada pelanggan Bank Rakyat.



“Kedua-dua kategori ini dibuka kepada peserta berumur 16 tahun dan ke atas, bagaimanapun peserta di bawah umur 18 tahun perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga.

Di samping itu, setiap peserta yang berdaftar akan menerima barangan penyertaan (*participant entitlements*) yang disediakan oleh penganjur, termasuk jersi rasmi acara dan pingat penamat.

Kami berharap agar program ini akan menjadi satu inisiatif yang bermakna, bukan sahaja dari sudut penganjuran, tetapi juga dari segi impak sosial yang dapat diwujudkan kepada masyarakat, selaras dengan aspirasi kami, “**Untuk Semua**,” tambah beliau.

Selain acara kayuhan komuniti ini, Ekspo Jualan Bank Rakyat turut berlangsung di perkarangan AEON BiG Ampang dengan menampilkan reruai jualan untuk dikunjungi orang ramai. Turut disediakan ialah reruai Bank Rakyat yang menawarkan khidmat nasihat kepada pengunjung mengenai produk dan perkhidmatan Bank.

Untuk mendaftar, layari <https://checkpointspot.asia> atau kunjungi www.bankrakyat.com.my serta ikuti media sosial rasmi @mybankrakyat untuk mendapatkan maklumat terkini dari semasa ke semasa.

-TAMAT-